



اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْئَلُكَ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA

DAN

INSTITUT AGAMA ISLAM NEGERI (IAIN) MATARAM,

INDONESIA

PROGRAM

MEMARTABATKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

MELALUI KECEMERLANGAN PEREKONOMIAN ISLAM

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ini dibuat pada Jumaat, 16 Mei 2014 bersamaan 17 Rajab 1435H ("kemudian disebut sebagai "Memorandum Persefahaman ini");

ANTARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA sebuah institusi pengajian tinggi awam dan badan korporat yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 1973) dan beralamat di KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka Bandaraya Bersejarah (selepas ini disebut "UITM Melaka") di satu pihak;

DAN

INSTITUT AGAMA ISLAM NEGERI (IAIN) MATARAM, INDONESIA sebuah institusi pengajian tinggi awam di Indonesia dan beralamat di Jl. Pendidikan No. 35, Mataram Lombok, NTB 83125, Indonesia (selepas ini disebut "IAIN Mataram" di pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA:

- A) **UITM Melaka dan IAIN Mataram berhasrat untuk bekerjasama dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penerbitan, dan latihan bagi meningkatkan kompetensi warga kedua dua entiti dalam bidang berkaitan ekonomi Islam dan seumpamanya.**
- B) **Kerjasama ini dinamakan PROGRAM MEMARTABATKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MELALUI KECEMERLANGAN PEREKONOMIAN ISLAM**

MAKA DENGAN INI, kedua-dua pihak bersetuju melaksanakan fasal-fasal seperti dinyatakan di bawah ini:

FASAL 1

TUJUAN MEMORANDUM

Memorandum Persefahaman ini bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dalam meningkatkan pengajaran, penyelidikan, penerbitan, dan latihan di kedua-dua Universiti.

FASAL 11

SKOP MEMORANDUM

UITM Melaka dan IAIN Mataram akan berusaha dan bekerjasama dalam aktiviti pengajaran, penyelidikan, penerbitan, dan latihan seperti mana berikut:

1. BIDANG PENGAJARAN

- i. Bekerjasama untuk meningkatkan kualiti pengajaran bidang ekonomi Islam di kedua-dua Universiti melalui program latihan pengajaran yang dianjurkan
- ii. Bekerjasama membangunkan silibus dan modul subjek berkaitan ekonomi Islam yang akan dicadangkan digunapakai di kedua-dua Institusi
- iii. Bekerjasama untuk menyebarkan bahan-bahan pengajaran melalui penerbitan **UITM Melaka dan IAIN Mataram**.
- iv. Bekerjasama untuk menganjurkan pelbagai seminar persidangan, bengkel, simposium, forum dan seumpamanya dari masa ke semasa dalam tajuk-tajuk dan isu-isu berkaitan ekonomi Islam.
- v. Mengadakan program pensyarah pelawat di antara **UITM Melaka dan IAIN Mataram**.

2. BIDANG PENYELIDIKAN:

- i. Bekerjasama untuk mengenalpasti bidang dan melaksanakan penyelidikan berkaitan ekonomi Islam seperti kewangan, ekonomi, perniagaan, pemasaran, perdagangan antarabangsa, pengurusan sumber manusia, syariah, muamalat, pengurusan institusi Islam seperti zakat, wakaf, haji, dan Baitulmal dan bidang-bidang lain yang difikirkan sesuai.
- ii. Mengadakan program pendidikan berkaitan perekonomian Islam secara bersama **UITM Melaka dan IAIN Mataram** dari semasa ke semasa.
- iii. Bekerjasama menubuhkan kumpulan penyelidik khusus di bidang perekonomian Islam seperti di para 2 (i) di atas.
- iv. Berhasrat mewujudkan program Penyelidik Pelawat di antara **UITM Melaka dan IAIN Mataram**.

- v. Bekerjasama menerbitkan dan menyebarkan hasil-hasil penyelidikan secara bersama melalui penerbitan jurnal, buku, majalah serta seminar hasil penyelidikan.

FASAL III

PELAKSANAAN

1. **UiTM Melaka dan IAIN Mataram** bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama teknikal bagi melaksanakan program ini (selepas ini disebut "Jawatankuasa Teknikal"). Dalam Jawatankuasa ini **UiTM Melaka** akan diketuai oleh Rektor UiTM Melaka dan **IAIN Mataram** akan diketuai oleh Rektor IAIN Mataram.
2. **UiTM Melaka dan IAIN Mataram** akan mengadakan rundingan sekurang-kurangnya **DUA (2)** kali setahun sebagaimana yang difikirkan perlu dalam melaksanakan memorandum persefahaman ini.
3. Urusetia kepada Jawatankuasa Teknikal ini akan dilaksanakan oleh **UiTM Melaka dan IAIN Mataram** untuk menyelaraskan program yang berkaitan dengan program kedua-dua pihak.
4. Bagi mencapai pelaksanaan memorandum persefahaman ini, **UiTM Melaka dan IAIN Mataram** akan merangka prosedur dan program yang akan dilaksanakan untuk mencapai tujuan kerjasama melalui Jawatankuasa Teknikal ini.

FASAL IV

PROGRAM PELAKSANAAN

1. **UiTM Melaka dan IAIN Mataram** akan bekerjasama ke arah memartabatkan perekonomian Islam melalui program pemantapan pensyarah, staff dan mahasiswa.

Maklumat hasil daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan daripada program ini tidak boleh didedahkan (expose or disclose) oleh kedua-dua pihak kepada mana-mana pihak lain tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada pihak yang satu lagi.

FASAL VIII

MUAFAKAT

1. Memorandum ini dibuat secara rela hati dan ia tidak menghalang kedua-dua pihak membuat perjanjian dan program yang seumpamanya dengan mana-mana pihak yang lain.
2. Sekiranya berlaku apa-apa masalah yang berbangkit mengenai tafsiran/peruntukan/pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini, ianya hendaklah dilakukan secara muafakat/rundingan di antara kedua-dua pihak.

FASAL IX

PENAMATAN

1. Mana-mana pihak boleh menamatkan Memorandum Persefahaman ini dengan memberikan pihak yang satu lagi tiga (3) bulan notis bertulis akan penamatan tersebut.
2. Penamatan Memorandum Persefahaman ini tidak akan sama sekali melibatkan mahupun menjejaskan hak dan obligasi kedua-dua pihak di bawah Memorandum Persefahaman ini.
3. Kedua-dua pihak dikehendaki meneruskan dan menamatkan dengan sempurna apa-apa program yang masih berjalan di bawah Memorandum Persefahaman ini dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh penamatan Memorandum Persefahaman ini.

FASAL X

PINDAAN

Peruntukan Memorandum Persefahaman ini tidak boleh dipinda, diubah, diubahsuai, ditambah atau dipotong tanpa persetujuan bertulis kedua-dua pihak.

SETELAH MENELITI DAN MEMAHAMI HAL-HAL tersebut di atas, kedua-dua belah pihak bersetuju menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tarikh yang mula-mula disebutkan dalam Memorandum Persefahaman ini.

Ditandatangani oleh dan bagi pihak
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELAKA

Ditandatangani oleh dan bagi pihak
INSTITUT AGAMA ISLAM NEGERI (IAIN)
MATARAM, INDONESIA



Y.Bhg. Profesor Madya Dr. Mohd Adnan
Bin Hashim
Rektor




Y.Bhg. Dr. H. Nashuddin, M. Pd.
Rektor

Tarikh: 16 Mei 2014

Tarikh:

Disaksikan oleh:

Disaksikan oleh:



Prof. Madya Dr. Roaimah binti Omar
Timbalan Rektor PJI UiTM Melaka



Drs. H. Lukman Hakim, M.Pd
Ketua PIU IsDB IAIN Mataram